

# ACIC TABLET®

Acyclovir (200mg, 400mg, and 800mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

- 1. Apakah kegunaan Acic
- 2. Bagaimana Acic berfungsi
- 3. Sebelum menggunakan Acic
- 4. Cara menggunakan Acic
- 5. Semasa menggunakan Acic
- 6. Kesan-kesan sampingan
- 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acic
- 8. Maklumat lanjut
- 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- 10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Acic

Acic digunakan untuk merawat jangkitan virus Herpes simplex (kudis herpes) pada kulit dan selaput mukus. Ia juga mencegah jangkitan virus Herpes simplex bagi pesakit yang sistem imun mereka tidak berfungsi dengan baik. Acic turut digunakan untuk merawat cacar air dan kayap.

## Bagaimana Acic berfungsi

Acic mengandungi bahan aktif acyclovir. Ia adalah ubat antiviral yang bertindak ke atas sel-sel yang dijangkiti dengan mencegah pertumbuhan virus.

## Sebelum menggunakan Acic

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Acic jika anda mengalami alahan terhadap acyclovir and valaciclovir atau bahan-bahan lain yang terdapat dalam Acic.

## Sebelum mula menggunakan Acic

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya:

- Anda mempunyai masalah buah pinggang
- Anda mempunyai ketaknormalan sistem saraf
- Anda ialah warga tua
- Anda sedang mengandung atau menyusu bayi

### - Semasa mengandung dan menyusu bayi

Beberapa data menunjukkan acyclovir terdapat dalam susu ibu. Oleh itu, acyclovir hanya boleh dipreskripsi kepada ibu mengandung dan yang menyusu apabila manfaat yang bakal diperoleh melebihi kebarangkalian risiko yang tidak diketahui

*Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.*

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi. Terutamanya probenecid dan cimetidine kerana ia mengurangkan penyingkirkan acyclovir melalui buah pinggang. Ini boleh menyebabkan peningkatan masa pengekalan acyclovir dalam badan.

## Cara menggunakan Acic

Sentiasa mengambil Acic seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda. Dos yang diberikan oleh doktor mungkin berbeza dengan dos yang disyorkan di bawah.

### - Berapa banyak harus digunakan

#### *Jangkitan virus Herpes Simplex*

- 200mg acyclovir 5 kali sehari setiap 4 jam selama 5 hari. Rawatan boleh dipanjangkan sehingga 10 hari bagi jangkitan awal yang teruk.
- Boleh digandakan menjadi 400mg bagi pesakit yang sistem imun mereka tidak berfungsi dengan baik atau mempunyai sistem penyerapan yang terjejas.

#### *Pencegahan jangkitan virus genital Herpes simplex yang kerap berulang.*

#### *Pesakit dengan sistem imun yang baik:*

- 200mg hingga 400mg acyclovir, 4 kali sehari setiap 6 jam.
- Atau 400mg acyclovir boleh diambil 2 kali sehari setiap 12 jam.
- Rawatan pencegahan yang berkesan juga boleh diperoleh dengan 200mg 3 kali sehari setiap 8 jam atau 200mg 2 kali sehari setiap 12 jam.

#### *Pesakit dengan sistem imun yang terjejas:*

- 200mg hingga 400mg acyclovir, 4 kali sehari setiap 6 jam boleh digunakan bagi pesakit di mana sistem imun mereka tidak berfungsi dengan baik atau sistem penyerapannya terjejas.

*Jangkitan virus Varicella dan Herpes zoster (cacar air dan kayap)*

- 800mg acyclovir 5 kali sehari setiap 4 jam tanpa mengambil kira dos malam. Rawatan perlu diteruskan selama 5-7 hari.

### *Dos bagi Kanak-Kanak*

Untuk rawatan jangkitan virus Herpes simplex, dan pencegahan jangkitan virus Herpes simplex dalam pesakit yang imunitinya lemah,

- Kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas perlu diberi dos orang dewasa
- Kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah perlu diberi separuh daripada dos orang dewasa

### *Dos bagi Warga Tua*

- Kemungkinan kegagalan buah pinggang pada warga tua perlu dipertimbangkan dan doktor akan menyelaraskan dos sewajarnya
- Pesakit warga tua yang mengambil dos oral acyclovir yang tinggi perlu mengekalkan penghidratan yang mencukupi.

Beritahu doktor jika anda mengalami masalah buah pinggang. Doktor akan menyelaraskan dos anda berdasarkan jenis infeksi dan keterangan masalah buah pinggang yang dialami.

### *- Bila perlu digunakan*

Selepas makan, telan keseluruhan tablet dengan air yang mencukupi (contohnya segelas air) tanpa mengunyah. Minum air yang secukupi untuk mengekalkan hidrasi, terutamanya, jika anda ialah warga tua, sedang mengambil dos oral yang tinggi atau mengalami masalah buah pinggang.

### *- Berapa lama perlu digunakan*

Sila ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jika anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### *- Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya

pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**  
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, sakit kepala, dan kekeliruan.

### Semasa menggunakan Acic

#### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Acic. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi and ajika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Acic, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Acic.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Acic tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.
- Jangan mengambil Acic selepas tarikh luput yang dinyatakan pada papan ubat dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin: Beberapa kesan sampingan seperti mengantuk mungkin menjelaskan keupayaan anda untuk menumpukan perhatian dan bertindak balas. Pastikan anda tidak dipengaruhi oleh kesan sampingan sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Acic boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit terutamanya pada permulaan pengambilan ubat walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai simptom seperti:

- Biasa:  
Sakit kepala, loya, muntah, cirit-birit, sakit perut, ruam termasuk sensitif terhadap cahaya matahari, gatal-gatal, letih dan demam.
- Luar biasa:  
Gatal-gatal disertai dengan kemerah-merahan dan bengkak serta keguguran rambut terpecah
- Jarang:  
Anafilaksis (reaksi alahan), kesukaran bernafas, peningkatan berbalik dalam bilirubin, dan enzim yang berkaitan dengan hati, angioedema (bengkak di bawah kulit), peningkatan dalam urea darah dan kreatinin (bahan buangan badan).
- Sangat jarang:  
Perubahan pada bilangan dan jenis sel-sel darah (anemia, leucopenia, thrombocytopenia), kegelisahan, kekeliruan, menggil, pergerakan yang tidak selaras, kesukaran bercakap, halusinasi, khayalan, sawan, mengantuk, penyakit otak (ensefalopati), koma, keradangan hati (hepatitis), kuning kulit atau putih mata (jaundis), sakit buah pinggang, dan kegagalan fungsi buah pinggang.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda perasan sebarang simptom lain dan ia merisaukan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan Acic

#### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 25°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil Acic atau ia telah

melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Acic 200 Tablet

Tablet putih, bulat, dwicembung dengan takuk skor, dan permukaan yang licin.

Acic 200 Tablet

Tablet putih, bulat, dwicembung dengan takuk skor, dan permukaan yang licin.

Acic 800 Tablet

Tablet putih, bujur, dengan takuk skor pada kedua-dua permukaan dan mempunyai permukaan yang licin.

#### - Bahan-bahan kandungan

##### - Bahan Aktif

**ACIC 200 Tablet**

- 200mg Acyclovir

**ACIC 400 Tablet**

- 400mg Acyclovir

**ACIC 800 Tablet**

- 800mg Acyclovir

##### - Bahan tidak aktif

**ACIC 200 Tablet**

- Lactose monohydrate, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, copolyvidone, and magnesium stearate.

**ACIC 400 Tablet**

- Silica colloidal anhydrous, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, copolyvidone, and magnesium stearate.

**ACIC 800 Tablet**

- Silica colloidal anhydrous, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, copolyvidone, and magnesium stearate.

#### - Bungkusan

ACIC 200 Tablet: Pek blister 25 tablet dan 100 tablet.

ACIC 400 Tablet: Pek blister 35 tablet dan 70 tablet.

ACIC 800 Tablet: Pek blister 35 tablet

#### - Nombor MAL

ACIC 200 Tablet:

MAL20000724ACZ

ACIC 400 Tablet:  
MAL19986960ACZ

ACIC 800 Tablet  
MAL19986961ACZ

**Pengilang**  
SALUTAS PHARMA GMBH  
Otto-Von-Guericke-Allee 1,  
D-39179, Barleben,  
Germany.

**Pemegang Pendaftaran Produk**  
IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
24/11/2015

**Nombor Siri**  
BPFK(R4/1)241115/00452